

Dr. M: Ketepikan kepentingan peribadi

ALUR SETAR 16 Mei → Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu kaum guru mengetepikan kepentingan peribadi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka memajukan bidang pendidikan negara.

Kata Perdana Menteri, guru-guru tidak harus membiarkan masalah peribadi seperti rasa tidak puas hati terhadap skim tangga gaji baru serta masalah beban tugas yang bertambah, mempengaruhi kerjaya mereka.

Beliau menegaskan, kerajaan tiada niat buruk terhadap mereka dan kerana itu guru-guru seharusnya mengimbangi antara masalah dan kepentingan peribadi dengan keperluan terhadap tugas dan tanggungjawab kepada bangsa serta negara.

"Keutamaan terhadap negara perlu didahulukan. Kefahaman ini juga patut disemai kepada anak-anak kita agar mereka meneruskan perjuangan untuk memuliakan bangsa," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan Perayaan Ha-

ri Guru Peringkat Kebangsaan 1994 di Dewan Seri Negeri Wisma Darul Aman, di sini malam ini.

Turut hadir pada majlis itu termasuk Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud dan Timbalannya, Dr. Leo Michael Toyad.

Perdana Menteri menambah, kerajaan tidak berniat untuk menambah beban yang sedia dipikul oleh guru-guru menerusi langkah memperkenalkan kurikulum baru pendidikan negara.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, tindakan itu terpaksa dilakukan bagi menyesuaikan diri generasi muda menguasai teknologi baru sejajar dengan perubahan dunia demi mengelakkan Malaysia ketinggalan dalam bidang-bidang tertentu.

"Kalau kita tidak bertindak menyesuaikan diri mengikut perubahan masa, kita sudah tentu ketinggalan dan akan dihina oleh pihak lain," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, keperluan pendidikan pada masa ini

lebih menekankan kepada bidang kemahiran hidup dan penguasaan pelbagai peralatan canggih sejajar dengan corak kehidupan serba moden.

Dalam keadaan zaman yang beredar ini, katanya, terdapat cabang ilmu yang dianggap penting pada satu masa dulu, kini sudah tidak sesuai, manakala yang tidak diberi tumpuan sebelum ini kini menjadi semakin mustahak.

"Perubahan ini menyebabkan kerajaan terpaksa sepanjang masa membentuk dan memperkenalkan kurikulum baru pendidikan untuk disesuaikan dengan peredaran zaman," tegasnya.

Oleh kerana itu, tambah beliau, guru-guru terpaksa membiasakan diri dengan kurikulum yang disediakan walaupun dalam keadaan beban tugas mereka bertambah.

Dr. Mahathir berkata, guru-guru di negara ini sebenarnya lebih bernasib baik kerana profesionalisme mereka tetap disanjung tinggi dan kedudukan mereka sendiri dihormati oleh masyarakat.

Keadaan ini jauh berbeza deng-

an apa yang berlaku di sesetengah negara Barat di mana ada guru didera dan dipermainkan oleh pelajar mereka sendiri yang mempunyai tahap disiplin rendah dan kelakuan buruk.

"Kebanyakan pelajar di negara kita masih tertib, menghormati dan mendengar segala tunjuk ajar guru-guru," tambahnya.

Sementara itu, Tokoh Guru Negeri Perak 1993, Nordin Mahmood adalah antara empat orang yang dianugerah Tokoh Guru Kebangsaan 1994 sempena perayaan Hari Guru yang disambut di seluruh negara, hari ini.

Tiga lagi yang diberi penghormatan itu ialah Wan Shamsudin Mohd. Yusof dari Kedah, Jikal Gabie dari Sabah dan Khor Beng Hoe yang berasal dari Pulau Pinang.

Mereka, kecuali Nordin yang diwakili anaknya, Aminuddin, menerima anugerah itu daripada Dr. Mahathir di sini malam ini.